

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	KILANG LEPAS AIR BERBUIH DIARAH HENTI OPERASI
	SUMBER	BH (29 JULAI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	21 (NASIONAL)

BH Selasa, 29 Julai 2025

Nasional

21



Kakitangan JAS mengambil sampel air Sungai Ketil yang tercemar di Taman Wangi, Gua Musang.

(Foto Paya Linda Yahya/BH1)

Kilang lepas air berbuih diarah henti operasi

Kulim: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah mengarahkan kilang sarung tangan henti operasi selepas dikesan melepaskan air sisa berbuih.

Pengarahnya, Sharifah Zakiah Syed Sahab, berkata tindakan itu dilakukan susulan aduan orang awam yang diterima pada 27 Julai lalu berhubung masalah itu.

Beliau berkata, JAS Kedah menggerakkan pasukan penyiasat pada hari sama ke kawasan terbabit dan siasatan mendapati kilang itu melepaskan air berbuih ke longkang awam.

"Keadaan ini bukan sahaja mencemarkan alam sekitar, tetapi berpotensi mengancam ekosistem air dan kesihatan awam.

"Sebagai tindakan segera, JAS Kedah melaksanakan pe-

nahanan operasi kelengkapan di bawah Seksyen 38(1)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Tindakan ini bertujuan menghentikan serta-merta aktiviti pencemaran dilakukan kilang terbabit," katanya dalam kenyataan semalam.

Sharifah Zakiah berkata, selain itu, satu kertas siasatan turut dibuka di bawah Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 2024).

Katanya, jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi lima tahun dan denda antara RM50,000 sehingga RM10 juta.

Beliau meminta orang ramai yang ada maklumat untuk hubungi talian bebas tol 1-800-88-2727 dan sistem e-aduan JAS, iaitu aduan.doe.gov.my.

2.	TAJUK	PENDUDUK DAKWA SUNGAI KETIL KERUH, BUSUK
	SUMBER	BH (29 JULAI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	21 (NASIONAL)

Penduduk dakwa Sungai Ketil keruh, busuk

Kejadian berlarutan sejak 4 tahun lalu akibat sisa kilang

Oleh Paya Linda Yahya
bhnews@bh.com.my

Gua Musang: Kejadian ratusan ikan mati di Sungai Ketil, dekat Taman Rekreasi Rimba Wangi, Taman Wangi, di sini, dua hari lalu membimbangkan penduduk di kawasan itu. Penduduk mendakwa kejadian berlaku apabila air sungai dicemari sisa buangan dari kilang berhampiran dan masalah itu sudah berlarutan sejak empat tahun lalu.

Penduduk, Mat Hussin Daud, 68, berkata dia menyedari kejadian itu pagi Sabtu lalu apabila melihat banyak ikan mati.

"Apabila sampai ke tebing sungai saya dapati banyak ikan mati dan terapung dan air sungai berwarna keruh serta berbau busuk. Saya bersama isteri

mengutip ikan berkenaan menggunakan baldi dan mendapat kira-kira lapan kilogram ikan baung serta dua ikan kelah dengan berat lebih empat kilogram.

"Kami berharap pihak berwajib dapat mengambil tindakan lebih tegas bagi membendung pencemaran Sungai Ketil. Kejadian pencemaran sungai ini bukan kali pertama berlaku sehingga menyebabkan banyak ikan sungai mati.

"Kami risau risiko keselamatan apabila Sungai Ketil ini juga menjadi sumber air terawat untuk kegunaan penduduk di Gua Musang," katanya ketika ditemui di Taman Rekreasi Rimba Wangi.

Turun padang tinjau

Terdahulu, Ahli Parlimen Gua Musang, Mohd Azizi Abu Naim bersama Ketua Jajahan Gua Musang, Mohd Roshdi Ismail, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Daerah Gua Musang (MDGM) turun padang meninjau kawasan Sungai Ketil selepas menerima aduan daripada penduduk.

Mohd Azizi berkata, kebanyakan penduduk bim-

bang dengan kualiti air Sungai Ketil yang menjadi sumber utama kegunaan penduduk di sekitar bandar Gua Musang.

"Sungai Ketil juga menjadi lokasi tumpuan rekreasi orang ramai apabila aktiviti tubing diadakan dan disertai pelancong luar negara. Kita mahu pihak berkuasa, terutama JAS menyalat puncanya bagi mengelak Sungai Ketil terus tercemar dan memberi kesan jangka panjang," katanya.

Sementara itu, Pengarah JAS Kelantan, Wan Aminordin Wan Kamarudin, berkata sampel air Sungai Ketil yang didakwa tercemar itu sudah dihantar ke Jabatan Kimia untuk tindakan selanjutnya.

Beliau berkata, arahan pemantauan harian di sungai itu juga dikeluarkan bagi memastikan tiada kes berulang.

"Kita sudah terima berhubung kejadian berlaku di Sungai Ketil dan JAS mengambil berat hal ini. Sebelum ini, aduan air hitam dan sudah diselesaikan, sekarang aduan ikan mati. Insya-Allah JAS buat yang terbaik," katanya kepada BERNAMA.

3.	TAJUK	RATUSAN IKAN MATI. SUNGAI KETIL SELA;I LAGI DICEMARI SISA KILANG
	SUMBER	HARIAN METRO (29 JULAI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	12 (LOKAL)

lokal



RATUSAN IKAN MATI

Sungai Ketil sekali lagi dicemari sisa kilang

KAKITANGAN JAS mengambil sampel air Sungai Ketil dekat Taman Rekreasi Rimba Wangi, Taman Wangi.

Oleh Paya Linda Yahya am@hmetro.com.my

Gua Musang

Kejadian ratusan bangkai ikan terapung di Sungai Ketil dekat Taman Rekreasi Rimba Wangi, Taman Wangi di sini dua hari lalu membimbangkan penduduk di kawasan itu.

Penduduk mendakwa kejadian berlaku apabila air sungai dicemari sisa buangan daripada kilang berhampiran dan masalah itu sudah berlarutan sejak empat tahun lalu.

Penduduk, Mat Hussin

Daud, 68, berkata, dia menyedari kejadian berlaku jam 8.30 pagi kelmarin apabila melihat banyak ikan terapung seperti kekurangan oksigen.

Katanya, apabila sampai ke tebing sungai, dia terkejut mendapati banyak ikan yang timbul dan air sungai berwarna keruh serta berbau busuk dipercayai akibat sisa buangan kilang terdekat.

"Saya bersama isteri menangkap ikan yang terapung di permukaan air menggunakan bakul dan mendapat kira-kira lapan kilogram ikan busung serta dua ekor ikan kelah dengan ber-

at lebih empat kilogram.

"Kami berharap pihak berwajib dapat mengambil tindakan lebih tegas bagi membendung pencemaran Sungai Ketil. Kejadian pencemaran ini bukan kali pertama berlaku sehingga menyebabkan banyak ikan sungai mati.

"Kami juga risau akan risiko keselamatan apabila Sungai Ketil ini juga menjadi sumber air terawat untuk kegunaan penduduk di Gua Musang," katanya ketika ditemui di Taman Rekreasi Rimba Wangi.

Terdahulu, Ahli Parlimen Gua Musang Mohd Azizi Abu Naim bersama

Ketua Jajahan Gua Musang, Mohd Rosbdi Ismail, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Daerah Gua Musang (MDGM) turun padang meninjau kawasan Sungai Ketil selepas menerima aduan daripada penduduk.

Mohd Azizi berkata, mengikut aduan yang diterima, masalah pencemaran itu dipercayai sudah kerap kali berlaku terutamanya pada hujung minggu atau cuti umum sejak 2021.

Katanya, kebanyakan penduduk risau dengan kualiti air Sungai Ketil yang menjadi sumber utama kegunaan penduduk di se-

kitar Bandar Gua Musang.

"Sungai Ketil turut menjadi lokasi tumpuan rekreasi orang ramai apabila aktiviti tubing diadakan dan disertai pelancong luar negara.

"Kita mahu pihak berkuasa terutamanya JAS menyalut puncanya kerana tidak mahu Sungai Ketil terus tercemar dan memberi kesan jangka panjang termasuk kes keracunan kepada rakyat," katanya.

Sementara itu, Mohd Rosbdi berkata, pihak JAS sudah mengambil sampel air Sungai Ketil untuk tindakan serta kajian lanjut. Katanya, pihaknya akan

mengadakan mesyuarat untuk membincangkan hasil penemuan JAS dan mengambil langkah yang sepatutnya untuk mengatasi pencemaran sungai daripada terus merebak.

Sebelum ini, ribuan bangkai ikan pernah ditemukan terapung di permukaan Sungai Ketil pada 2021 dipercayai akibat pencemaran bahan sisa buangan kilang.

Pada tahun lalu pula, lebih 2,000 penduduk di sekitar Taman Wangi berdepan masalah pencemaran apabila Sungai Ketil sering bertukar warna hitam.

4.	TAJUK	KEBAKARAN TAPAK PELUPUSAN SAMPAH. TIADA ALIRAN MASUK KE SUNGAI KUNDANG
	SUMBER	BH (31 JULAI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)

Kebakaran tapak pelupusan sampah haram

Tiada aliran sisa pemadaman masuk ke Sungai Kundang

LUAS sahkan tiada risiko pencemaran, ambil tindakan mitigasi segera

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengesahkan tiada aliran sisa pemadaman yang tercemar masuk ke dalam longkang dan Sungai Kundang susulan kebakaran tapak pelupusan sampah haram di kawasan M Residence 2, Rawang, kelmarin.

LUAS berkata, pihaknya menerima laporan berhubung insiden itu lewat petang kelmarin dan bergegas ke lokasi bagi menyemak keadaan di tapak dan sebarang risiko serta impak terhadap sumber



Pihak berkuasa memadamkan kebakaran di tapak pelupusan sampah haram di kawasan M Residence 2, Rawang. (Foto FB LUAS)

air berhampiran di Sungai Kundang.

"Aliran ini akan memasuki Sungai Sembah dan akhirnya ke Sungai Selangor yang tertetak loji rawatan air (LRA) utama negeri iaitu LRA SSP1, SSP2 dan SSP3.

"Semakan kita mendapati ker-

ja pemadaman kebakaran sedang dijalankan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Balai Batu Arang," katanya dalam hantaran di Facebook, malam kelmarin.

LUAS berkata, pemerhatian lanjut mendapati anggaran jarak Sungai Kundang dari lokasi ke-

bakaran sekitar 1.5 kilometer dan sehingga kini kerja pemadaman masih berjalan.

"Kami sentiasa bersedia siaga di tapak bagi memantau rapi situasi semasa dan akan melaksanakan tindakan mitigasi segera bagi mengelak impak kepada sumber air," katanya.

Operasi 20 jam sehari

Sementara itu, Penolong Pengarah Bahagian Operasi JBPM Selangor, Ahmad Mukhlis Mukhtar, berkata pihaknya masih menjalankan kerja pemadaman.

Katanya operasi akan dijalankan 20 jam sehari sehingga kebakaran dipadamkan sepenuhnya.

"Seramai tujuh pegawai dan anggota bomba ditugaskan di lokasi dan menggunakan kaedah pemadaman dengan menghala terus ke kawasan punca api. Kita turut menggunakan teknologi dron dilengkapi infrared (inframerah) untuk mengesan spot panas," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, setakat ini kebakaran berlaku di kawasan seluas 1.6 hektar dengan 50 peratus kebakaran.

Terdahulu, media melaporkan kebakaran besar tapak pelupusan sampah haram berkenaan dibimbangi boleh mencemarkan sungai berhampiran, sekali gus menjejaskan operasi LRA.

5.	TAJUK	SARAWAK BUKA SANTUARI KHAS TEMPAT BUAYA DITANGKAP
	SUMBER	HARIAN METRO (30 JULAI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (NASIONAL)



TAMAN Negara Wetland Kuching antara yang akan dijadikan sebagai santuari buaya. - Gambar NSTP/MOHD ROJI KAWI

Sarawak buka santuari khas tempat buaya ditangkap

Kuching: Kerajaan Sarawak membuka kawasan khas bagi menempatkan buaya yang ditangkap di sungai bagi meredakan kebimbangan orang ramai terhadap serangan reptilia ganas itu.

Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar, Datuk Len Talif

Salleh berkata, terdapat lima kawasan yang memiliki kriteria habitat semula jadi dikenal pasti sesuai untuk dijadikan santuari.

Beliau berkata, kawasan terbabit ialah Taman Negara Wetland Kuching, Pulau Seduku (Sri Aman), kawasan Rajang (Sibu), Sibuti (Miri) dan Lawas.

"Lima kawasan itu dipilih berdasarkan kos dan kesesuaian habitat bagi memastikan buaya dapat hidup dalam persekitaran yang sama dengan habitat semula jadi mereka.

"Kawasan yang luas perlu kerana jika terlalu kecil, ia tidak sesuai untuk kelangsungan hidup buaya," katanya selepas menyempurnakan program penanaman pokok di Sungai Lemidin, Taman Negara Kuching Wetland, kelmarin.

Len berkata, santuari yang dicadangkan itu bukan sahaja dijadikan sebagai lokasi pemindahan buaya, tetapi akan turut merangkumi elemen pelancongan, penyelidikan dan pembangunan, pendidikan serta pembabitian komuniti setempat.

"Kajian mendapati lebih 25,000 ekor buaya di Sarawak dan bilangannya terus meningkat kerana jangka hayatnya panjang dan tiada pemangsa semula jadi.

"Jika tidak dikawal, populasi boleh mencecah 30,000 dalam beberapa tahun dan ini meningkatkan lagi konflik haiwan itu dengan manusia," katanya.

Menurutnya, santuari buaya itu akan dilengkapi pagar dengan mengekalkan persekitaran asal.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**